

**KEGIATAN
BERMAKNA:**

Encik Deen (bukan nama sebenar) mendapat kepuasan dapat menyumbang kepada masyarakat dengan mengunting rambut warga emas melalui 'Projek Gunting'. – Foto BH oleh IZWANDI AZMAN



'Projek Gunting' bagi bekas pesalah sumbang semula...

► **IZWANDI AZMAN**

izwandi@sph.com.sg

KESILAPAN silam apabila ditahan akibat kesalahan dadah merupakan titik hitam dalam kehidupan mereka.

Namun, selepas keluar dari penjara, penghuni Rumah Peralihan Pertapis, Encik Zack (bukan nama sebenar) dan Encik Deen (bukan nama sebenar), berazam untuk membuka lembaran baru.

Apabila tidak bertugas, Encik Zack, 43 tahun, yang bekerja di Pertapis Movers, dan Encik Deen, 56 tahun, yang bekerja di sebuah rangkaian restoran piza, melibatkan diri dalam

kegiatan yang bermakna agar dapat menyumbang kepada masyarakat.

Semalam, mereka telah menyediakan khidmat gunting rambut percuma untuk warga emas sebagai sebahagian daripada inisiatif bersama anjuran Pertapis dan Thye Hua Kwan (THK) yang dipanggil *Projek Gunting*.

Seramai 30 warga emas yang tinggal sekitar Cassia Crescent telah mendapatkan khidmat itu yang diadakan di Pusat Penuaan Aktif @ Cassia Thye Hua Kwan semalam.

Apabila ditemui *Berita Harian* (BH), Encik Zack dan Encik Deen melahirkan kesyukuran diberi peluang untuk menyumbang semula kepada masyarakat.

■ **Laporan lanjut – Muka 4**

Penghuni Rumah Peralihan Pertapis sumbang gunting rambut warga emas secara percuma

► IZWANDI AZMAN
izwandi@sph.com.sg

SEBAGAI sebahagian daripada inisiatif menyumbang kepada masyarakat, tiga penghuni Rumah Peralihan Pertapis (PHH) menyediakan perkhidmatan gunting rambut percuma untuk warga emas yang tinggal di sekitar Cassia Crescent.

Dipanggil 'Projek Gunting', inisiatif itu memberi peluang kepada penghuni PHH menyumbang kepada masyarakat dan mempunyai matlamat dalam hidup.

Seramai 30 warga emas hadir untuk perkhidmatan gunting rambut itu, yang diadakan di Pusat Penuaan Aktif @ Cassia Thye Hua Kwan (THK) dari 10 pagi hingga 5 petang semalam.

Ketiga-tiga penghuni PHH tersebut telah menjalani latihan oleh sekolah dandan rambut Kimage Hairdressing School.

Seorang daripada mereka, Encik Zack (bukan nama sebenar), berasa gembira dapat terlibat dalam Projek Gunting kerana ia membolehkannya melakukan sesuatu yang bermakna.

"Saya bangga dapat meluangkan masa saya untuk Projek Gunting. Pada mulanya saya gementar untuk memotong rambut warga emas tetapi saya perlahan-lahan bertam-

bah yakin.

"Memang berbaloi melihat senyuman mereka selepas saya memotong rambut mereka," kata Encik Zack, 43 tahun.

Beliau dipenjarakan bagi kesalahan dadah pada 2018 dan dibebaskan pada Ogos tahun lalu.

Encik Zack sekarang bekerja bersama Pertapis Movers, yang menyediakan perkhidmatan pemindahan untuk orang berpindah rumah.

"Saya melakukan banyak kesalahan pada masa lalu. Sekarang saya mahu menerapkan apa yang saya pelajari di Pertapis dan membuat diri saya berguna dengan menyumbang kepada masyarakat," ujarnya.

Seorang lagi penghuni PHH, Encik Deen (bukan nama sebenar), berasa bersyukur dapat menghulurkan khidmatnya bagi Projek Gunting.

Beliau telah ditahan sebanyak 10 kali bagi kesalahan dadah dan dibebaskan dari penjara pada 2020.

"Saya bersyukur kerana diberi peluang berbakti kepada masyarakat. Ia memberi saya matlamat (dalam hidup) dan saya rasa saya diperlukan oleh masyarakat," kata Encik Deen, 56 tahun.

Beliau pernah bekerja sebagai tukang gunting rambut, tetapi sekarang menjadi



GEMBIRA DAPAT BERBAKTI: Salah seorang penghuni Rumah Peralihan Pertapis yang menyertai Projek Gunting. Beliau berasa gembira dapat melakukan sesuatu bermakna bagi masyarakat melalui projek itu. – Foto BH oleh IZWANDI AZMAN

pembuat pizza di Domino's Pizza.

Pekerja sosial Pertapis, Encik Muhammad Kashari Kassim, berkata Projek Gunting akan diperluas pada masa hadapan kepada kumpulan lain.

"Ia adalah satu pendedahan baik untuk mereka (penghuni PHH) mengenali masyarakat dan untuk masyarakat mengena-

li mereka.

"Ini adalah kali pertama kami bekerjasama dengan THK. Kami merancang meneruskan inisiatif ini dan bekerjasama dengan lebih banyak pertubuhan perkhidmatan sosial," kata Encik Kashari, 35 tahun.

Pengurus Pusat di Pusat Penuaan Aktif @ Cassia THK, Encik Muhammad Fayyadh

Rahmat, percaya inisiatif seperti Project Gunting membantu meningkatkan keyakinan penghuni rumah peralihan.

"Saya rasa inisiatif ini memberi mereka rasa kekitaan. Ia membantu mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat dan berasa mereka diperlukan orang ramai," kata Encik Fayyadh.